

Combi-Prost Eye Drops

Latanoprost 50mcg/ml and timolol (as timolol maleate) 5mg/ml

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Combi-Prost
2. Bagaimana Combi-Prost berfungsi
3. Sebelum menggunakan Combi-Prost
4. Cara menggunakan Combi-Prost
5. Semasa menggunakan Combi-Prost
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Combi-Prost
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Combi-Prost

Combi-Prost digunakan untuk menurunkan tekanan tinggi dalam mata, jika anda mempunyai keadaan yang dikenali sebagai glaukoma sudut terbuka bersama dengan tekanan mata yang tinggi, tetapi tidak bertindak balas kepada titik mata yang mengandungi beta-blockers (contohnya: timolol).

Bagaimana Combi-Prost berfungsi

Combi-Prost mengandungi dua bahan aktif yang dinamakan sebagai latanoprost and timolol (as timolol maleate).

Latanoprost mengalirkan lebih cecair keluar daripada mata. Timolol menurunkan tekanan dalam mata dengan mengurangkan penghasilan cecair.

Combi-Prost membantu mengawal glaukoma anda, ia tidak menyembuhkannya. Oleh itu, anda mesti menggunakan ubat ini sehingga doktor anda mengarahkan anda untuk berhenti.

Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang sebab Combi-Prost dipreskripsikan kepada anda. Doktor anda mungkin mempreskripsikan Combi-Prost untuk tujuan lain.

Combi-Prost tidak digalakkan penggunaannya di kalangan kanak-kanak. Keselamatan dan keberkesanan ubat ini di kalangan kanak-kanak belum dikaji.

Sebelum menggunakan Combi-Prost

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap

- bahan aktif ubat ini, iaitu latanoprost and timolol
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini

Jangan menggunakan Combi-Prost jika anda mempunyai:

- asma atau sejarah asma atau masalah penafasan yang lain
- sesetengah masalah jantung, seperti kadar jantung yang lebih perlahan, denyutan jantung yang tidak teratur atau kegagalan jantung

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

Jangan ambil Combi-Prost jika anda hamil atau bercadang untuk hamil. Doktor anda akan berbincang dengan anda tentang risiko dan manfaat yang terlibat.

Jangan ambil jika anda sedang menyusu bayi atau bercadang untuk menyusu. Doktor anda akan berbincang dengan anda tentang risiko dan manfaat yang terlibat semasa menggunakan Combi-Prost.

- Sebelum menggunakan Combi-Prost

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan atau pengawet.

Beritahu doktor anda jika anda bercadang menjalani pembedahan kerana timolol mungkin mengubah kesan sesetengah ubat digunakan semasa anestesia.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Combi-Prost boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuk:

- Sesetengah ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi atau masalah jantung seperti *beta-blockers*, *calcium channel blockers* atau *digoxin*
- Sesetengah ubat yang digunakan untuk merawat denyutan jantung tidak teratur seperti *amiodarone*

- Sesetengah ubat yang digunakan untuk merawat kemiringan seperti *quinidine*, *fluoxetine* atau *paroxetine*
- Adrenaline, sejenis hormon yang digunakan untuk merawat asma, denyutan jantung yang perlahan atau tidak teratur, gangguan alahan yang akut dan glaukoma
- Sesetengah ubat titis mata yang mengandungi *prostaglandin*. Penggunaan dua atau lebih ubat titis mata yang mengandungi *prostaglandin* pada masa yang sama adalah tidak digalakkan.

Cara menggunakan Combi-Prost

Ikut semua arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan pada pek, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Dos biasa bagi Combi-Prost untuk orang dewasa (termasuk warga tua) adalah satu titik ubat dititiskan ke dalam mata yang terlibat atau kedua-dua mata, sekali sehari.

- Bila perlu digunakan

Guna ubat anda pada masa yang sama setiap hari, sebaik-baiknya pada waktu petang, melainkan doktor anda beritahu anda yang sebaliknya.

Penggunaan Combi-Prost pada masa yang sama setiap hari akan memberi kesan terbaik pada tekanan mata anda. Ia juga akan membantu anda mengingati masa menggunakan ubat titis mata.

Sekiranya anda memakai kanta sentuh, anda harus menanggalkannya sebelum menggunakan Combi-Prost. Selepas menggunakan Combi-Prost anda harus menunggu 15 minit sebelum memakai kanta sentuh semula.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Combi-Prost untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Combi-Prost membantu mengawal keadaan anda, tetapi tidak menyembuhkannya.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil ubat anda, minta petua dari ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Combi-Prost, hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan kecemasan hospital yang terdekat.

Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang ketidakselesaan atau kesan keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan denyutan jantung perlahan (*bradycardia*), tekanan darah rendah (*hypertension*), kesukaran dalam pernafasan (*bronchospasm*), kegagalan jantung (*cardiac arrest*), kerengsaan mata dan kemerahan mata (*conjunctival hyperaemia*)

Semasa menggunakan Combi-Prost

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Combi-Prost.

Beritahu doktor anda jika anda menjadi hamil semasa menggunakan Combi-Prost.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang menggunakan Combi-Prost.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Combi-Prost untuk merawat sebarang masalah lain sekiranya doktor anda beritahu anda demikian.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Combi-Prost mempengaruhi anda.

Ubat ini mungkin menyebabkan penglihatan kabur di kalangan sesetengah orang. Sekiranya ini berlaku kepada anda, jangan memandu atau mengendalikan mesin sehingga penglihatan anda menjadi terang semula.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Rujuk kepada nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan khuatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Sesetengah kesan sampingan biasa termasuklah:

- Warna mata bertukar perlahan-lahan untuk satu tempoh masa. Iris mata akan bertukar warna menjadi lebih perang atau lebih gelap. Perubahan ini mungkin akan kekal dan lebih ketara jika anda hanya merawat satu mata sahaja.
- Kerengsaan mata.
- Sakit mata
- Bulu mata lebih gelap, tebal, panjang atau bertambah dan kelihatan rambut halus pada kelopak mata

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Combi-Prost

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Sebelum membuka Combi-Prost, simpan ubat botol di dalam kotak di peti sejuk (2°C - 8°C) lindungi daripada cahaya.

Selepas membuka Combi-Prost, simpan ubat botol di dalam kotak di tempat yang sejuk di mana suhu kekal di bawah 25°C, tetapi tidak sejukkan di peti sejuk. Pastikan kotak ditutup dengan betul dan lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Combi-Prost atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Tulis tarikh pada botol apabila anda membuka ubat titis mata dan buang selepas empat minggu.

Buka botol yang baru setiap empat minggu.

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti menggunakan Combi-Prost atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi

anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak perlu lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar kerana ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Ubat titis mata, Combi-Prost, terkandung dalam plastik botol dengan penitis and penutup. The rumusan adalah jelas, cecair yang tidak berwarna.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Latanoprost
- Timolol (as timolol maleate)

Bahan tidak aktif:

- benzalkonium chloride (sebagai pengawet)
- sodium chloride
- sodium dihydrogen phosphate monohydrate
- Disodium phosphate anhydrous
- Sodium hydroxide solution (for adjustment to pH 6.0)
- Hydrochloride acid solution (for adjustment to pH 6.0)
- water for injection

- Nombor MAL

MAL17075028ACZ

Pengilang

RAFARM SA
Agiou Louka Str.,
Thesi Pousi-Xatzi,
19002 Paiania, Attiki, Greece

Pemegang Pendaftaran

Produk Aspen Medical Products
Malaysia Sdn Bhd
Unit 1302A, Level 13A, Uptown
1, 1 Jalan SS21/58, Damansara
Uptown, 47400 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

22/08/2022

Nombor Siri

NPRA(R2/1)220822/938